

09 DEC 1999

ARTWRIGHT-PERTUMBUHAN

ARTWRIGHT JANGKA PERTUMBUHAN 30 PERATUS DLM JUALAN PERABOT PEJABAT

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Artwright Holdings Bhd, yang mengkhususkan dalam pasaran perabot pejabat mewah, menjangkakan perolehannya berkembang sekurang-kurangnya 30 peratus dalam tahun kewangan semasa yang berakhir pada 31 Jun, 2000 berbanding RM38 juta sebelumnya berikutan pasaran eksport yang menggalakkan.

Pengerusinya Mirzan Mahathir berkata Artwright menjangkakan perniagaan eksport menyumbang 60 peratus daripada jumlah perolehan bagi tahun-tahun yang akan datang daripada 50 peratus ketika ini.

Sehingga kini, produk Artwright dieksport ke lebih 25 negara di Asia, Asia Barat, Eropah dan Amerika Utara.

"Sejak dua tahun lalu, terdapat perubahan besar dalam strategi untuk memasarkan produk kami. Kami sudahpun membuka bilik pameran di luar negara dan kini mempunyai 25 bilik pameran di pelbagai tempat di seluruh dunia," katanya.

Mirzan menambah syarikat itu kini merancang untuk membuka lebih banyak dewan pameran di Kanada, London dan Paris. Bulan lalu, syarikat itu membuka dewan pamerannya di Sydney dan Melbourne.

Beliau berkata pemulihan ekonomi juga membolehkan syarikat itu menembusi pasaran serantau yang kini sedang berkembang pada kadar yang memberangsangkan.

Mirzan berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran premis Artwright dan produk baru "MXi Desking System" oleh timbalan ketua pengarah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Mohd Zulkifli Abdul Rauf.

Mengenai produk itu, beliau berkata MXi adalah sistem kepintaran yang digabungkan dengan sistem MX V2 sebelum ini. Dengan penggabungan ini, produk baru itu dikatakan memperolehi semua nilai reka bentuk dan fungsi-fungsi model sebelumnya.

Sementara itu, Zulkifli dalam ucapannya berkata, industri perabot yang termasuk perabot pejabat mempunyai tapak yang kukuh di pasaran luar negara dengan eksport perabot pejabat meningkat sebanyak 21.6 peratus pada 1998 berbanding 1997.

"Sejak tiga tahun lalu, Malaysia menjadi pengeksport bersih perabot pejabat dan ia menyumbang 5.5 peratus daripada jumlah eksport perabot dan bahagian-bahagian yang berjumlah RM4.36 bilion pada 1998," tambahnya.

Destinasi eksport utama bagi perabot pejabat tahun lalu adalah Singapura di mana ia menyumbang 23.3 peratus, Emiriyah Arab Bersatu (11.8 peratus), Amerika Syarikat (AS) (10.6 peratus), Arab Saudi (7.5 peratus) dan Jepun (7.4 peratus).

Beliau berkata ketika Singapura kekal sebagai destinasi eksport terbesar bagi perabot pejabat, Dubai pula semakin menonjol dalam pasaran perabot antarabangsa kerana lokasi strategiknya antara Timur dan Barat.

Ketika import perabot pejabat jatuh sebanyak 6.9 peratus tahun lalu berbanding 1997, AS kekal sebagai sumber import utama bagi perabot pejabat yang menyumbang 22.5 peratus daripada jumlah import.

-- BERNAMA

MOT ZK MA